

**AmBank/AmBank Islamic
Kempen Beli dan Menang
Terma dan Syarat**

Terma dan Syarat yang Dipinda untuk AmBank/AmBank Islamic Kempen Beli dan Menang akan menggantikan Terma dan Syarat yang ada memulai 24 Januari 2023.

- **Tempoh kempen** telah ditukarkan dalam **font biru** untuk menggambarkan perubahan tempoh kempen.

PERINGATAN: Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) adalah dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang boleh didapati di www.ambank.com.my/SnWTnCBM Jika Pelanggan Yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat di sini, Pelanggan Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan kakitangan Bank atau wakil yang diberi kuasa.

Terma-terma dan syarat-syarat di sini ("**Terma dan Syarat**") adalah tambahan kepada dan untuk dibaca bersama dengan perjanjian kad kredit/-i dan/atau kad debit/-i yang berkaitan ("**Perjanjian Pelanggan Yang Layak**") AmBank (M) Berhad (no. syarikat: 19690100016 / 8515-D) / AmBank Islamic Berhad (no. syarikat: 199401009897 / 295576-U) (secara kolektif dirujuk sebagai "**pihak Bank**") yang masing-masing mentadbir ke atas penggunaan kad kredit/-i dan/atau kad debit/-i dan/atau pembiayaan peribadi/-i yang dikeluarkan oleh pihak Bank. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dan Perjanjian kad kredit/-i dan/atau kad debit/-i dan/atau pembiayaan peribadi/-i, Terma dan Syarat ini akan digunakan setakat berkaitannya dengan Kempen ini.

Kecuali di mana konteks memerlukan sebaliknya, atau melainkan jika Terma dan Syarat ini memperuntukkan selainnya, semua perkataan, nama dan ekspresi yang ditakrifkan di dalam Perjanjian Penggunaan Kad and/or Pembiayaan peribadi/-i, apabila digunakan atau dirujuk di dalam Terma dan Syarat ini, hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Penggunaan Kad and/or Pembiayaan peribadi/-i.

Perkataan yang melambangkan orang termasuklah orang yang hidup dan, jika dan di mana berkenaan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang bererti tunggal juga hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang bermaksud jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.

Kempen

1. "**Kempen**" bermaksud "**Kempen 'Beli dan Menang'**" yang dianjurkan oleh pihak Bank, dan dengan kerjasama agensi-agensi Umrah tempatan ("**AUT**") yang mengambil bahagian, selaras dengan Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini.

Tempoh

2. Kempen ini berlangsung dari 1 September 2022 hingga **31 Disember 2023**, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**") atau mana-mana tempoh lain sebagaimana yang ditentukan notis sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar terlebih dahulu.

Kelayakan

3. **"Pelanggan Yang Layak"** bermaksud pelanggan pihak Bank yang mempunyai kad kredit/-i dan/atau kad debit/-i utama ("**Kad**") dan/atau pembiayaan peribadi/-i yang berjaya dikeluarkan semasa Tempoh Kempen seperti yang diterangkan di sini tetapi tidak termasuk:-
- Pelanggan Yang Layak prabayar, kad korporat, kad komersial, atau kad insurans yang dikeluarkan oleh pihak Bank; dan/atau
 - Pelanggan Yang Layak dengan akaun Kad yang telah digantung, diberhentikan atau dibatalkan atas apa jua sebab semasa dan sehingga dua belas (12) minggu setelah Tempoh Kempen tamat; dan/atau
 - Kakitangan tetap, kontrak dan/atau sementara atau pekerja pihak Bank (termasuk syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu) dan ahli keluarga terdekat (anak, ibu bapa, adik-beradik termasuk pasangan); dan/atau
 - Wakil dan/atau ejen yang terlibat dalam Kempen ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen-ejen periklanan dan promosi).
 - Pelanggan yang memohon pembiayaan peribadi/-i tetapi tidak diluluskan dan dikeluarkan oleh bank semasa tempoh kempen
4. Bagi mengelakkan keraguan, Kempen ini tidak memerlukan sebarang pendaftaran untuk penyertaan dan bahawa semua Pelanggan Yang Layak yang berkaitan termasuk Kad tambahan beliau dan pembiayaan peribadi/-i yang diluluskan dan dikeluarkan akan dijejaki secara automatic dan ditambah pada jumlah entri-entri Pelanggan Yang Layak utama yang layak bagi tujuan penjadualan Transaksi Yang Layak sepanjang Tempoh Kempen.

Transaksi Yang Layak dan Entri

5. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang akan dinyatakan selepas ini, semua Pelanggan Yang Layak yang menggunakan Kad mereka atau mempunyai pembiayaan peribadi/-i yang diluluskan dan dikeluarkan untuk melaksanakan transaksi perbelanjaan runcit di AUT yang mengambil bahagian ("**Transaksi Yang Layak**") sepanjang Tempoh Kempen akan memperoleh Entri Kempen seperti berikut:-

Bilangan Entri Kempen	Penggunaan
1	RM5,000 dalam satu resit bagi Setiap Perbelanjaan Yang Layak di mana-mana AUT yang mengambil bahagian

6. Semua penggunaan Kad dan Kad Tambahan Pelanggan Yang Layak akan dijejak untuk tujuan menghitung bilangan Entri Kempen yang diperolehi untuk semua Transaksi Yang Layak yang tertakluk seperti yang dicontohkan di bawah:-

Akaun Kad	Tarikh	Amaun	Bilangan Entri Kempen
Kad Utama AmBank BonusLink Visa Card	22 Julai 2022	RM15,000	3
Kad Tambahan di bawah Kad Utama AmBank BonusLink Visa Card	8 Oktober 2022	RM4,500	0
AmBank Islamic Visa Signature Card-i	10 Januari 2023	RM14,500	2
AmBank SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite Credit Card	31 Mac 2023	RM6,500	1

Pembiayaan peribadi/-i	31 March 2023	RM 10,000	2
Jumlah Bilangan Entri Kempen			6

7. **“Perbelanjaan Yang Layak”** untuk kredit kad/-i principal serta debit kad/-i merujuk kepada sebarang transaksi runcit tempatan yang dilakukan di agensi-agensi Umrah tempatan yang mengambil bahagian dalam Ringgit Malaysia (“**RM**”), termasuk transaksi dalam talian yang dicaj kepada mana-mana Kad Pelanggan Yang Layak sepanjang Tempoh Kempen dan akan direkodkan berdasarkan Penghuraian Nama Peniaga dan Kod Kategori Peniaga (“**MCC**”) mereka seperti yang direkod dalam sistem Pihak Bank kecuali untuk transaksi yang berikut:
 - (a) transaksi yang kemudiannya dibatalkan atau dibayar balik; dan/atau
 - (b) dipertikaikan, transaksi tanpa kebenaran atau penipuan; dan/atau
 - (c) transaksi yang dilakukan oleh Pelanggan Yang Layak dengan UAT yang mengambil bahagian dan berkaitan atau dikawal oleh mereka (sama ada sebagai pemilik perniagaan, pemegang syer atau pengarah)
8. Jumlah bilangan Entri Kempen yang boleh diperolehi oleh Pelanggan Yang Layak adalah tidak terhad.
9. Penentuan MCC untuk AUT yang mengambil bahagian adalah tertakluk kepada pengelasan oleh bank pemeroleh saudagar (“**Bank Pemeroleh Saudagar**”) dan adalah menjadi tanggungjawab Bank Pemeroleh Saudagar yang berkaitan untuk memberikan MCC yang betul untuk AUT yang mengambil bahagian. Pihak Bank tidak bertanggungjawab ke atas dan juga tidak mempunyai apa-apa jua kawalan ke atas sebarang pemberian MCC yang tidak betul dan/atau tidak konsisten oleh Bank Pemeroleh Saudagar yang berkaitan yang boleh mengakibatkan Pelanggan Yang Layak disingkirkan daripada hak mendapat Entri Kempen.
10. Transaksi perbelanjaan runcit yang layak semuanya adalah transaksi perbelanjaan runcit seperti yang diterangkan dalam Klausa 5 dan Klausa 7 di atas yang dicajkan kepada mana-mana Kad/-i Utama Pelanggan Yang Layak semasa Tempoh Kempen untuk pembelian barangan atau perkhidmatan yang ditanggung untuk penggunaan peribadi dan bukan bagi tujuan perniagaan, tidak termasuk transaksi-transaksi yang berikut:-
 - (a) transaksi tunai separa untuk perjudian dan/atau permainan;
 - (b) ansuran bulanan Program AmFlexi-Pay / Pelan Bayaran Mudah yang sedang berjalan;
 - (c) transaksi Bayaran Bil Korporat atau GIRO Korporat;
 - (d) transaksi pendahuluan tunai / deposit / pengeluaran;
 - (e) sebarang yuran atau caj yang dikenakan oleh pihak Bank;
 - (f) transaksi pembiayaan perdagangan;
 - (g) transaksi yang berada di bawah pengaturan korporat khas di mana rebat boleh digunakan;
 - (h) transaksi perbelanjaan runcit yang tidak ditakrifkan dalam Klausa 5 dan Klausa 6 di atas; dan
 - (i) transaksi perbelanjaan runcit yang kemudiannya dibatalkan, dipertikaikan, dikembalikan, tidak dibenarkan, mencurigakan atau transaksi palsu dalam apa-apa bentuk.
11. Semua Transaksi Yang Layak dalam Tempoh Kempen mesti berdasarkan waktu Malaysia seperti yang dirakamkan oleh rekod transaksi pihak Bank dan diposkan ke akaun Kad Pelanggan Yang Layak dalam tempoh lima (5) hari kalendar dari tarikh transaksi-transaksi tersebut. Pihak Bank tidak bertanggungjawab dalam sebarang cara apa jua untuk sebarang kegagalan

dan/atau kelewatan dalam transmisi bukti transaksi jualan oleh Mastercard, Visa, pertubuhan peniaga atau pihak lain.

12. **“Perbelanjaan Yang Layak”** untuk pembiayaan peribadi/-i merujuk kepada kemudahan pembiayaan peribadi/-i yang dipohon untuk tujuan membiayai transaksi runcit di agensi-agensi Umrah tempatan yang mengambil bahagian dalam Ringgit Malaysia (“RM”), dan berjaya dikeluarkan semasa tempoh kempen.
13. Sebarang penentuan oleh pihak Bank mengenai apa yang dimaksudkan sebagai Transaksi Yang Layak adalah muktamad dan tidak boleh dicabar dalam apa jua cara. Semua transaksi seperti yang direkod oleh pihak Bank akan juga menjadi muktamad dan konklusif.

Hadiah

14. Berikut adalah Hadiah Kempen untuk dimenangi, tertakluk kepada yang maksimum seperti yang dinyatakan di bawah untuk setiap kategori:-

Kategori	Hadiah	Bilangan Pemenang	Bilangan Hadiah Maksimum Setiap Pelanggan Yang Layak Yang Layak
Hadiah Utama	Pakej Umrah	3 Sahaja	1 Sahaja
Hadiah Kedua	TV Pintar	2 Sahaja	1 Sahaja
Hadiah Ketiga	iPad	2 Sahaja	1 Sahaja
Hadiah Saguhati	RM500 Tunai	10 Sahaja	1 Sahaja
Hadiah Misteri	Merchandise AmBank	100 Sahaja	1 Sahaja

Pemilihan Pemenang

15. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini, pihak Bank akan menyenarai pendek Pemenang Hadiah Kempen secara rawak dengan mekanisme yang ditentukan dan dianggap adil oleh pihak Bank menurut budi bicaranya yang tunggal dan mutlak.
16. Seorang Pemenang Hadiah Kempen hanya boleh disenarai pendek sekali untuk satu (1) Hadiah Kempen dalam Kempen ini. Sekiranya Pemenang Hadiah Kempen yang sama disenarai pendek lebih daripada sekali untuk Hadiah Kempen, beliau hanya akan disenarai pendek berdasarkan Entri Kempen yang disenarai pendek pada kali pertama. Entri Kempen beliau yang lain yang disenarai pendek akan diabaikan.
17. Pihak Bank akan memaklumkan semua Pemenang Hadiah Kempen melalui perkhidmatan mesej ringkat / telefon / kiriman pos elektronik / kiriman pos berdasarkan butiran hubungan mereka yang disenggara dalam sistem pihak Bank. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, pihak Bank berhak menggunakan sebarang medium atau kaedah lain, termasuk laman web pihak Bank di **www.ambank.com.my** yang difikirkan wajar menurut budi bicaranya mutlaknya bagi tujuan mengumumkan Pemenang.
18. Pemenang Hadiah Kempen akan dihubungi oleh pihak Bank melalui panggilan telefon dan/atau kiriman pos elektronik. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi

Pemenang. Jika seseorang Pemenang gagal dihubungi selepas semua percubaan ini, pihak Bank tidak akan membuat percubaan lain. Pihak Bank berhak untuk menarik balik Hadiah untuk Pemenang tersebut dan memilih Pelanggan Yang Layak yang disenarai pendek berikutnya sebagai Pemenang.

19. Hadiah Kempen akan dihantar melalui kurier mengikut butiran hubungan terakhir Pemenang Hadiah Kempen yang dikekalkan dalam sistem pihak Bank dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar dari tarikh pengumuman Pemenang oleh pihak Bank. Hadiah Kempen adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat AUT yang mengambil bahagian.
20. Liabiliti pihak Bank berkaitan Hadiah Kempen hanyalah untuk membayar harga belian kepada vendor, dan tidak termasuk apa-apa cukai tempatan, yuran perkhidmatan dan caj tambahan. Hadiah Kempen diberikan berdasarkan 'sedia ada', yang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai atau lain-lain barangan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. Pihak Bank berhak memilih warna bagi Hadiah Kempen, yang mana berkenaan. Visual Hadiah Kempen yang digunakan dalam sebarang iklan, promosi, publisiti dan lain-lain bahan berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen adalah hanya bagi tujuan ilustrasi semata-mata dan tidak menggambarkan warna sebenar Hadiah Kempen dan tidak termasuk sebarang aksesori pilihan.
21. Sekiranya vendor tidak dapat membekalkan model Hadiah Kempen yang sama seperti yang diterangkan di sini kepada pihak Bank atas sebab-sebab yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada panggilan balik oleh pengeluar atau kerosakan, hilang atau dicuri semasa dalam simpanan dan/atau semasa penyampaian, pihak Bank berhak untuk menggantikan Hadiah Kempen dengan model lain yang serupa atau sama nilainya mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberi notis terdahulu sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar di laman web pihak Bank di **www.ambank.com.my**. Walau bagaimanapun, pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah Kempen yang rosak atau dicuri selepas hadiah disampaikan kepada Pemenang.
22. Penglibatan Hadiah Kempen dalam Kempen ini tidak boleh dianggap sebagai sebarang pengendorsan atau pengesyoran terhadap Hadiah Kempen oleh pihak Bank. Untuk sebarang pertikaian berkaitan kualiti atau waranti Hadiah Kempen atau mana-mana Terma dan Syarat yang berkaitan dengannya, Pemenang hendaklah berurusan dengan pengedar atau pembekal yang sah, secara langsung tanpa sebarang bantuan daripada pihak Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang isu-isu kualiti atau waranti Hadiah Kempen atau mana-mana Terma dan Syarat yang berkaitan dengannya dan tidak akan melayan sebarang aduan apa jua pun berkaitan dengan Hadiah Kempen.
23. Dengan menerima Hadiah Kempen, Pemenang bersetuju bahawa tidak membabitkan pihak Bank ke atas sebarang tindakan, tuntutan, kerosakan, perbelanjaan, pengadilan, liabiliti atau prosiding yang ditanggung berhubung penyertaan mereka dalam Kempen atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah Kempen.

Penyingkiran

24. Pihak Bank berhak secara mutlak untuk **menyingkirkan penyertaan mana-mana Pelanggan Yang Layak** untuk tujuan Kempen ini tanpa keperluan untuk memaklumkan beliau sekiranya:-
 - (a) akaun Kad Pelanggan Yang Layak tersebut mengingkari kemudahan-kemudahan yang diberi pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; dan/atau

- (b) akaun Kad Pelanggan Yang Layak tersebut ditutup dalam dua belas (12) minggu setelah Tempoh Kempen tamat; dan/atau
- (c) Pelanggan Yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar atau melakukan penipuan dalam sebarang cara semasa Tempoh Kempen; dan/atau
- (d) Pelanggan Yang Layak tersebut memungkiri sebarang Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.

Umum

- 25. Keputusan pihak Bank untuk semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah terikat dan muktamad. Semua Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian undang-undang akan dimulakan dan dibicarakan di mahkamah di Kuala Lumpur.
- 26. Semua Pelanggan Yang Layak telah membaca dan memahami semua Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan pihak Bank akan mempunyai hak mutlak untuk mengantung, memberhentikan atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dengan memberi notis sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar terlebih dahulu pada laman web pihak Bank di **www.ambank.com.my**.
- 27. Semua Pelanggan Yang Layak dianggap telah menyatakan persetujuan untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini (seperti yang dibezakan atau diubah), keputusan pihak Bank dan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, untuk membenarkan dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan butiran peribadi mereka kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh pihak Bank bagi tujuan Kempen. Pihak Bank menjamin bahawa pendedahan butiran yang sedemikian kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga akan terhad kepada nama, alamat, nombor keahlian Penerbang Kerap dan nombor telefon Pelanggan Yang Layak dan akan digunakan hanya dalam hal berkaitan dengan dan bagi tujuan Kempen. Keputusan pihak Bank ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen (termasuk interpretasi Terma dan Syarat ini) adalah muktamad dan mengikat dan sebarang surat-menyurat selanjutnya atau percubaan untuk mempertikaikan keputusan yang sedemikian tidak akan dilayan.
- 28. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, pemberhentian atau penggantungan Kempen ini oleh pihak Bank tidak akan memberi hak kepada para Pelanggan Yang Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap pihak Bank untuk sebarang dan kesemua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh para Pelanggan Yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari tindakan pembatalan, pemberhentian atau penggantungan tersebut.
- 29. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada para Pelanggan Yang Layak untuk sebarang kerugian atau kos (termasuk kehilangan peluang perniagaan atau keuntungan) yang disebabkan oleh keadaan yang luar biasa dan tidak dapat diduga yang di luar kawalan munasabah pihak Bank yang tidak dapat dielakkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kemalangan, tindakan penganas, kerosakan mesin, kekacauan awam, kebakaran, pertikaian perindustrian, kekacauan buruh, sekatan kemasukan kerja, bencana alam, rusuhan, mogok, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan) atau kegagalan sistem pemprosesan data, elektrik, sistem telekomunikasi atau sambungan transmisi.
- 30. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Yang Layak untuk sebarang kerosakan dalam apa jua bentuk atau kerugian yang dialami (termasuk tetapi tidak

terhad kepada, kehilangan nama baik, pendapatan atau keuntungan atau kerosakan berbangkit, secara langsung atau tidak langsung, teladan, sampingan, punitif atau khas) sebagaimana yang timbul berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen ini, atau pihak Bank melaksanakan haknya menurut sebarang Terma dan Syarat di sini.

31. Produk dan perkhidmatan (secara kolektif, "Produk dan Perkhidmatan Ketiga") yang dipaparkan dalam ambankspot.com dimiliki oleh pihak ketiga yang bebas (setiap "Pihak Ketiga"). AmBank (M) Berhad bukan pemilik atau penjual Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga, dan tidak bertindak sebagai ejen, wakil atau broker Pihak Ketiga berkenaan dengan penjualan Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga. AmBank (M) Berhad sedang memaparkan Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga untuk promosi atas permintaan Pihak Ketiga, dan semua maklumat yang dinyatakan di halaman web ini mengenai Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga telah disediakan oleh Pihak Ketiga.
32. AmBank (M) Berhad tidak bertanggungjawab ke atas kebenaran atau ketepatan apa-apa maklumat mengenai mana-mana Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga yang ditawarkan dan tidak membuat pernyataan atau waranti, nyata atau tersirat, dalam apa jua bentuk, dalam apa jua pun, berkenaan dengan Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga tersebut.
33. AmBank (M) Berhad dengan ini secara jelas menafikan semua waranti berkenaan dengan Produk Pihak Ketiga, termasuk tanpa had, waranti kebolehdagangan dan kesesuaian untuk tujuan tertentu. AmBank (M) Berhad dengan jelas menafikan sebarang liabiliti untuk keselamatan, prestasi dan kualiti mana-mana Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga tersebut. Pembeli mana-mana Produk Pihak Ketiga yang dipromosikan di halaman web ini bertanggungjawab untuk menjalankan usaha wajarnya sendiri sebelum membeli dan membeli semua Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga atas risikonya sendiri.
34. Terma dan syarat versi Bahasa Inggeris juga disediakan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik dalam tafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini hendaklah dianggap sebagai setara, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan adalah membawa maksud yang sama.
35. Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan Yang Layak boleh menghubungi pusat perhubungan 24 jam pihak Bank di **+603 2178 8888** atau menghantar e-mel ke **customercare@ambankgroup.com**.